



## MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No. 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd ("MRT Corp.") adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan Malaysia yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi memudah, melaksana dan mempercepatkan projek infrastruktur pengangkutan awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Kerajaan telah melantik MRT Corp. sebagai Pemilik MRT dan MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd sebagai 'Project Delivery Partner' ("PDP") yang bertanggungjawab melaksana dan menyiapkan sistem MRT yang dikenali sebagai "PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG: JAJARAN SUNGAI BULOH – KAJANG (KVMRT-SBK)". Projek KVMRT-SBK akan melibatkan pembinaan rangkaian keretapi yang akan menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam Lembah Klang bagi memenuhi keperluan Rakyat. Sistem pengangkutan awam bersepadu ini akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya bertaraf dunia disamping menjana ekonomi dan meningkatkan produktiviti Rakyat.

Penender yang berminat untuk membuat tawaran kerja bagi Pakej Kontrak Kerja (seperti tersenarai di bawah) perlu menyerahkan Dokumen Tender yang telah dilengkapi sepenuhnya.

### KENYATAAN TENDER

(UNTUK KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

No. Tender	Tajuk Tender	Syarat-Syarat Penender	Taklimat Tender & Lawatan Tapak (Wajib)	Tempat & Tarikh Mula Penjualan Tender Dokumen	Harga Senaskah Dokumen Tender, Borang Pembayaran & Pembayaran Kepada	Tempat Serahan & Tarikh Tutup Tender
MRTCORP/ KVMRT-SBK/ CW/09/020/ 2013	Package MSPR6 : Construction and Completion of Multi Storey Car Park Building, External Works and Other Associated Works at Taman Bukit Mewah Station	Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah.  CIDB Gred G7 Kategori : B dan CE Pengkhususan : B04 dan CE21	Tarikh : 11 November 2013 (Isnin) Masa : 9.30 pagi Tempat : Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Perak Auditorium, Tingkat 7, Menara I & P1, 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.  Nota : Wakil-wakil dari penender yang berminat mestilah berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja-kerja di atas dan mestilah disahkan oleh Syarikat.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd Tingkat 6, Menara I & P1, 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.  12 November 2013 (Selasa) hingga 26 November 2013 (Selasa) 9.00 pagi hingga 5.00 petang (semasa waktu bekerja) Isnin hingga Jumaat KECUALI Sabtu, Ahad dan cuti umum)	RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja) (tidak dikembalikan)  dalam bentuk  Bank Draft / Banker's Cheque  Pembayaran kepada:-  Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)	Peti Tender  Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd Tingkat 6, Menara I & P 1, 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.  Pada 6 Januari 2014 (Jumaat) sebelum 12.00 tengahari (waktu tempatan)

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan dan di bawah kod pendaftaran seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah untuk tender.
2. Penender **WAJIB** menghadiri sesi taklimat tender dan lawatan tapak sepertimana yang dijadualkan diatas.
3. Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Penender boleh meneliti Dokumen Tender sebelum membuat pembelian.
4. Dokumen tender hanya akan dijual kepada Penender yang telah menghadiri sesi taklimat tender. MRT Corp. **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
5. Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil Penender yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil Penender **WAJIB** mengemukakan Surat Pengesahan 'ASAL' sebagai wakil serta sijil-sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A)'.  
6. Kesemua penender mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia
7. Penender adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
8. MRT Corp. adalah tidak terikat untuk menerima harga tender terendah.
9. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan difakskan ke talian 603-2095 2121 atau e-mail [procurement@myrmt.com.my](mailto:procurement@myrmt.com.my)